

CENOK KECIL
Chesnut-bellied
Malkoha

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Phaenicophaeus sumatranus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Cenok Perut Hitam, *P. diardi*, tetapi ia mempunyai bahagian perut serta bahagian pangkal bawah ekor yang berwarna kuning langsung kemerahan manakala bahagian paruh lebih tebal dan muka berwarna perang. Individu ini mempunyai bahagian mata yang berwarna putih, biru pudar, coklat atau merah. Bagi individu juvenil pula, ia menyerupai individu dewasa tetapi bulu pada bahagian hujung ekor berwarna putih pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 40.0 - 40.5 sm.

MAKANAN

Vertebrata kecil serta buah-buahan.

HABITAT

Boleh dijumpai di kawasan hutan paya bakau, hutan dipterokap, kadangkala dijumpai di kawasan hutan sekunder serta di kawasn pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,000m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang rendah iaitu *tok tok* serta ciakan bunyi yang halus dan kuat.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Februari hingga Ogos di mana sarang di bina di kawasan belukar atau di atas pokok pada ketinggian di antara 1.5-6 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih berukuran di antara 28.2-30.3 X 23-23.4 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.
IUCN, hampir terancam.